



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.55/ 2018

TIADA LEBIHAN PENGUNDIAN DI PARLIMEN KUBANG KERIAN PADA PRU-14

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin menjelaskan bahawa tiada berlaku sebarang lebihan pengundian di Bahagian Parlimen P.024 Kubang Kerian, Kelantan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang lalu seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar tempatan hari ini yang mendakwa terdapat lebihan 20 ribu kertas undi dikeluarkan.

SPR juga menjelaskan bahawa terdapat kesalahan menaip (*typing error*) pada jumlah kertas undi yang dikeluarkan dalam *Warta* Keputusan PRU14 tersebut yang diwartakan pada 28 Mei 2018. Jumlah sebenar kertas undi yang dikeluarkan bagi Bahagian Pilihan Raya berkenaan pada PRU-14 adalah **64,867** bukannya **84,867** sepertimana yang tercatat.

Sehubungan dengan itu, SPR menyatakan rasa kesal dan memohon maaf di atas kesilapan jumlah tersebut dan telah mengambil langkah serta merta untuk membuat pembetulan pada warta tersebut. Namun begitu, kesilapan itu tidak akan mengubah jumlah undi yang diperolehi oleh setiap Calon yang bertanding sepertimana yang disiarkan dalam *Warta* sebelumnya.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 11 Jun 2018 / 26 Ramadhan 1439H